



PELAN STRATEGIK

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

2014-2020

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE **I**



PELAN
STRATEGIK
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
2014-2020

KANDUNGAN

Perutusan Naib Canselor	2-3
Ringkasan Eksekutif	4-5
Sasaran Keberhasilan Pelan Strategik	9
Pengenalan	10-11
Komponen Pelan Strategik	12
Jangka Masa Pelan dan Pemantauan Pelan Strategik	13
Kerangka Proses Penyediaan Pelan Strategik	14-15
Putra Global 200	16
Analisis Pencapaian Pelan Strategik 2011-2013	18-20
Visi, Misi dan Nilai	21-24
Lima Matlamat Pelan Strategik 2014-2020	25
Realisasi Visi UPM	26-27
MATLAMAT 1 : MEMPERTINGKAT KUALITI DAN DAYA SAING GRADUAN	28-31
MATLAMAT 2 : PENJANAAN NILAI MELALUI EKOSISTEM RDCE YANG MANTAP DAN LESTARI	33-37
MATLAMAT 3 : MELONJAKKAN PERKHIDMATAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT	39-41
MATLAMAT 4 : MEMPERKASAKAN UPM SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PERTANIAN	43-48
MATLAMAT 5 : MEMPERTINGKAT KUALITI TADBIR URUS	50-54
Penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Pelan Strategik	55-56

PERUTUSAN NAIB CANSSELOR

Pelan Strategik 2014-2020 adalah manifestasi UPM untuk meningkatkan lonjakan dengan lebih cemerlang dalam mendepani cabaran pengajian tinggi pada peringkat global. Manifestasi ini tersirat di dalam Putra Global 200 iaitu aspirasi UPM untuk tersenarai dalam kedudukan 200 universiti terbaik dunia pada tahun 2020 mengikut penarafan *QS World University Ranking*. Selari dengan aspirasi tersebut, saya percaya bahawa dengan kesepakatan, dedikasi dan sokongan seluruh komuniti UPM terhadap lima matlamat utama Pelan Strategik ini, UPM akan berjaya mencapai visi untuk menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa dan sekali gus mencapai sasaran Putra Global 200.

Menjadikan UPM antara 200 universiti terbaik dunia adalah suatu misi yang menyediakan landasan kukuh untuk UPM memartabatkan statusnya sebagai salah sebuah Universiti Penyelidikan terbaik di Malaysia dan seterusnya mencapai Tier 6 untuk Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Awam (SETARA) dan pencapaian cemerlang dalam Malaysia Research Assessment (MyRA). Melalui Pelan Strategik

“

....Pelan strategik 2014-2020 adalah manifestasi UPM untuk meningkatkan lonjakan dengan lebih cemerlang dalam mendepani cabaran pengajian tinggi pada peringkat global.....

”



ini juga, UPM menawarkan pelbagai peluang terbaik dalam pembangunan akademik, ekonomi, sosial dan pembangunan modal insan kepada pelajar dan pemegang taruh khususnya melalui perencanaan program bertaraf antarabangsa.

Berpaksikan lima matlamat utama dan 19 objektif strategik, UPM akan mempertaruhkan pelan tindakan yang komprehensif bagi menghasilkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing, membangunkan inovasi pengajaran dan pembelajaran, meluaskan pembangunan pelajar bersifat holistik, meningkatkan reputasi akademik melalui kepelbagaian kepakaran dan pembangunan program, meningkatkan aktiviti kemasyarakatan dan jaringan industri, melaksanakan RDCE yang berimpak tinggi dan memastikan pembangunan dan pengurusan sumber yang cekap dan berkesan. Saya yakin dan percaya, dengan semangat kerjasama yang kolektif daripada semua pemegang taruh, keberhasilan daripada Pelan Strategik ini akan memberi impak yang signifikan kepada perkembangan ekosistem inovasi negara khususnya dalam mencambahkan modal insan berinovasi dan berpendapatan tinggi.

PROF. DATO' DR. MOHD FAUZI HAJI RAMLAN

Naib Canselor

Universiti Putra Malaysia

RINGKASAN EKSEKUTIF

Selari dengan wawasan UPM untuk menjadi sebuah universiti yang bereputasi antarabangsa, Pelan Strategik UPM 2014-2020 (PSUPM) yang bertemakan “Putra Global 200” (PG 200) telah dibangunkan bagi memastikan UPM mempunyai daya saing yang tinggi dalam menawarkan perkhidmatan pengajian tinggi pada peringkat tempatan dan juga antarabangsa. PG 200 merujuk kepada pencapaian 200 universiti terbaik dunia berdasarkan penilaian *QS World University Ranking* dan ia adalah sasaran keberhasilan PSUPM terhadap inisiatif yang akan dilaksanakan. Untuk mencapai aspirasi tersebut, UPM akan memacu empat fungsi utamanya melalui misi yang strategik dan komprehensif iaitu memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu.

PSUPM ini menghuraikan cabaran, nilai-nilai bersama, matlamat, objektif strategik, pelan tindakan dan sasaran UPM untuk meningkatkan kecemerlangan dalam bidang akademik, penyelidikan, pembangunan pelajar, perkhidmatan masyarakat, pembangunan pertanian, pengukuhan tadbir urus dan pembangunan sumber yang akan dilaksanakan untuk tempoh 2014 hingga 2020.

UPM telah mengenal pasti sepuluh (10) cabaran utama dalam pelaksanaan PSUPM ini, terutamanya untuk mencapai kedudukan PG 200. Cabaran tersebut ialah penarafan (ranking & star rating), kebolehpasaran graduan, pengantarabangsaan, mobiliti pelajar dan akademik, keusahawanan akademik, globalisasi, kurikulum dan program pengajian mengikut keperluan pasaran, kolaborasi, persaingan untuk mendapatkan peruntukan penyelidikan, dan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan serta inovasi dalam memacu ekonomi dan kesejahteraan negara.

Oleh yang demikian, UPM telah memberikan penumpuan kepada lima (5) matlamat utama iaitu Mempertingkatkan Kualiti dan Daya Saing Graduan, Penjanaan Nilai Melalui Ekosistem RDCE yang Mantap dan Lestari, Melonjakan Perkhidmatan Jaringan Industri dan Masyarakat, Memperkasa UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pertanian dan Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus. Lima matlamat tersebut telah diterjemahkan melalui 18 objektif strategik sebagaimana terkandung dalam Pelan Strategik UPM 2014 - 2020.

Bagi mencapai kejayaan lima matlamat dan 19 objektif strategik tersebut, PSUPM telah menggariskan Pelan Tindakan yang mempunyai pelbagai inisiatif dan projek berimpak tinggi, sasaran dan petunjuk prestasi yang selari dengan kriteria penilaian penarafan universiti. Bagaimanapun, faktor kejayaan kritikal untuk Pelan Tindakan



“

....Pelan Strategik UPM 2014-2020 (PSUPM) yang bertemakan “Putra Global 200” (PG 200) telah dibangunkan bagi memastikan **UPM** mempunyai **daya saing yang tinggi** dalam menawarkan perkhidmatan pengajian tinggi pada peringkat **tempatan** dan **juga antarabangsa**.

”

dan Sasaran dalam PSUPM 2014-2020 ini adalah bergantung pada faktor kewangan, infrastruktur dan komitmen staf yang terdiri daripada pegawai akademik, pegawai pengurusan dan profesional (bukan akademik) dan kumpulan pelaksana. Oleh itu, UPM akan memastikan nilai-nilai bersama iaitu kecemerlangan, kepelbagaian, kelestarian dan integriti dipupuk, dibudayakan dan diperkukuh dalam kalangan warga UPM.

Pencapaian PSUPM akan dinilai secara berkala untuk tempoh empat kali setahun iaitu penilaian komprehensif yang dibuat secara bersama dengan pencapaian KPI UPM. Bagi tujuan tersebut, satu Jawatankuasa Pemantauan akan ditubuhkan untuk mengkaji PSUPM 2014-2020 dan jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menyediakan laporan cadangan penambahbaikan dan mengemukakan inisiatif baharu yang berkaitan. Kajian semula PSUPM akan dijalankan pada 2015 bagi memastikan ia relevan dengan perkembangan dan senario pengajian tinggi semasa.



“Suatu kerangka strategik untuk memacu UPM menjadi sebuah **universiti bereputasi antarabangsa.....** ”



PELAN
STRATEGIK
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
2014-2020

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE



“PUTRA GLOBAL 200”

“Pada 2020, **UPM** akan mencapai kedudukan **200 universiti terbaik di dunia**, di mana kejayaan akademik, penyelidikan, perkhidmatan profesional dan pengantarabangsaan bukan sahaja memberi manfaat kepada pembangunan pelajar dan komuniti UPM, tetapi ia juga akan memacu sumbangan bermakna kepada kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat. Semua inisiatif dan pelan berkaitan usaha UPM untuk mencapai kejayaan kedudukan 200 universiti terbaik dunia pada 2020 dikenali sebagai Putra Global 200”

Jawatankuasa Pelan Strategik UPM
29 Julai 2013

SASARAN KEBERHASILAN



Pelan Strategik UPM 2014-2020 mendasari komitmen UPM untuk menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa dengan melonjakkan pencapaian kedudukan UPM dalam senarai 200 universiti terbaik di dunia dalam penilaian *QS World University Ranking*, dan pencapaian tersebut secara langsung memberi manfaat kepada universiti dan negara seperti berikut:

- Menonjolkan reputasi keserjanaan UPM khususnya dalam penerokaan penyelidikan, penemuan dan pengembangan ilmu serta menghasilkan teknologi dan inovasi untuk kemakmuran masyarakat dan kemajuan negara;
- Menghasilkan graduan berkualiti yang mempunyai nilai tambah dan bersifat global, sekali gus meningkatkan daya saing graduan dalam pasaran pekerjaan;
- Menjadi destinasi pengajian dan pusat rujukan penyelidikan pada peringkat antarabangsa;
- Meningkatkan budaya prestasi tinggi dalam kalangan komuniti UPM; dan
- Menarik minat pelaburan dalam penjana pendapatan dan menyokong kecemerlangan aktiviti UPM.



Oleh yang demikian, sasaran keberhasilan yang selari dengan KPI, PSPTN dan Kriteria Penarafan untuk UPM memenuhi manfaat di atas ialah seperti berikut:

Pada 2020, UPM akan mencapai:

- *Top 200* dalam senarai penarafan *QS World University Ranking*;
- *Top 30* dalam senarai penarafan *QS Asia University Ranking*;
- *Top 30 by Subject*, dalam senarai penarafan *QS World University Ranking* untuk bidang Pertanian & Perhutanan;
- *Tier 6 SETARA*;
- *Tier 6 D-SETARA*;
- *6 Star* dalam MyRA; dan
- Tahap cemerlang iaitu skor 4 mengikut skala 1-5 dalam Kajian Reputasi/Indeks Imej.



PELAN STRATEGIK UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA 2014-2020

PENGENALAN

1. Sejarah Universiti Putra Malaysia bermula daripada penubuhan Sekolah Pertanian pada 21 Mei 1931 yang memberi tumpuan dan penekanan kepada bidang pertanian di Tanah Melayu. Sekolah Pertanian tersebut telah dinaiktaraf menjadi Kolej Pertanian Malaya pada 3 Jun 1947. Selaras dengan kepentingan sektor pertanian kepada ekonomi negara, kolej ini telah dinaiktaraf menjadi Universiti Pertanian Malaysia dan diaktakan sebagai satu Perintah Perbadanan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, dan disiarkan menerusi Warta Kerajaan P.U. (A) 387 pada 29 Oktober 1971. Sebagai sebuah universiti yang dinamik dan sensitif kepada tuntutan semasa dan keperluan pembangunan dalam pelbagai disiplin, nama Universiti Pertanian Malaysia telah ditukarkan kepada Universiti Putra Malaysia pada 3 April 1997.
2. Setelah kewujudannya lebih daripada 40 tahun sebagai sebuah universiti awam di negara ini, UPM telah berusaha melaksanakan peranannya dengan menyediakan perkhidmatan pengajian tinggi yang meliputi pengajaran dan pembelajaran, pembangunan penyelidikan, inovasi, pengkomersilan dan perkhidmatan komuniti. Bagaimanapun, terdapat beberapa persoalan penting yang harus ditangani oleh UPM dalam mendepani cabaran landskap pengajian tinggi dalam tempoh tujuh tahun mendatang, iaitu:
 - Apakah usaha strategik yang perlu dilaksanakan oleh UPM untuk meningkatkan ranking atau *rating* dalam percaturan IPT global?
 - Sejauh manakah UPM berupaya bersaing dengan institusi pengajian tinggi lain dalam menyediakan persekitaran akademik, penyelidikan dan perkhidmatan komuniti yang bertaraf antarabangsa?
 - Bagaimanakah UPM boleh menggunakan kepelbagaian sumber untuk menjana pendapatan dan mengurangkan kebergantungan pada kerajaan?
 - Dengan mengambil kira peranan ilmu untuk kekayaan, sejauh mana UPM berperanan menghasilkan inovasi dan pemindahan ilmu untuk kesejahteraan negara?

“

...Pelan Strategik ini diterjemahkan melalui lima skop utama berteraskan fungsi iaitu akademik dan hal ehwal pelajar, penyelidikan dan inovasi, jaringan industri dan masyarakat, memperkasakan disiplin pertanian dan pengurusan sumber.....


”

- Bagaimanakah UPM boleh meningkatkan kebolehpasaran graduan yang bukan sahaja memenuhi keperluan nasional tetapi juga berupaya menembusi secara holistik pada peringkat antarabangsa?
 - Umumnya, UPM dikenali sebagai universiti yang mempunyai kekuatan dalam bidang pertanian. Sejauh manakah strategi yang dilaksanakan mampu menganjak kebitaraan pertanian sebagai satu nilai penting yang membina jenama UPM?
3. Oleh yang demikian, Pelan Strategik UPM 2014-2020 akan melihat persoalan tersebut dengan lebih komprehensif dan memberi penekanan utama kepada isu-isu yang berkaitan. Pelan Strategik ini diterjemahkan melalui lima skop utama berteraskan fungsi iaitu akademik dan hal ehwal pelajar, penyelidikan dan inovasi, jaringan industri dan masyarakat, memperkasakan disiplin pertanian dan pengurusan sumber.



KOMPONEN PELAN STRATEGIK 2014-2020

4. Pelan Strategik ini mempunyai dua komponen utama iaitu Pelan Strategik Universiti dan Pelan Strategik Pusat Tanggungjawab (Fakulti, Sekolah, Institut, Akademi, Pendaftar, Bursar, Pustakawan, dan lain-lain) yang mana ia digubal dalam dua dokumen yang berasingan. Bagaimanapun, pada peringkat permulaan, UPM memberi penekanan utama terhadap penggubalan Pelan Strategik Universiti yang lebih komprehensif supaya ia menjadi panduan dan rujukan kepada pusat tanggungjawab (PTJ) yang lain terutamanya dalam memastikan semua Pelan Tindakan yang dilaksanakan dalam Pelan Strategik PTJ adalah selari dengan Pelan Strategik Universiti.
5. Pelan Strategik Universiti memfokus kepada pencapaian visi, misi, matlamat, objektif strategik dan pelan tindakan untuk melonjak pembangunan universiti dan sekali gus menyokong wawasan universiti menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa. Manakala Pelan Strategik PTJ pula menyediakan jajaran strategik untuk meningkatkan kebitaraan PTJ dalam bidang masing-masing dan pelan tersebut menyokong kuat pencapaian objektif strategik yang terkandung dalam Pelan Strategik Universiti.



“Pelan Strategik Universiti memfokus kepada pencapaian **visi, misi, matlamat, objektif strategik** dan **pelan tindakan** untuk **melonjak pembangunan universiti** dan sekali gus menyokong wawasan universiti menjadi sebuah **universiti bereputasi antarabangsa...** ”

JANGKA MASA PELAN & PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK

6. Pelan Strategik UPM dirangka dan dibangunkan untuk tempoh tujuh tahun bermula 2014 hingga 2020, dan Pelan ini meliputi usaha kolektif untuk tiga fasa seperti berikut:

- Fasa Pertama : 2014-2015 (2 tahun)
- Fasa Kedua : 2016-2018 (3 tahun)
- Fasa Ketiga : 2019-2020 (2 tahun)

7. Fasa Pertama 2014-2015 adalah salah satu fasa penting kerana ia mengambil kira Fasa 2 Pelaksanaan PSPTN (2011-2015) iaitu peringkat Peningkatan dan Pemeraksanaan, dan Fasa Kedua dan Ketiga adalah termasuk dalam Fasa 3 PSPTN (2016-2020) iaitu peringkat Kecemerlangan.

8. Proses penilaian dan pemantauan Pelan Strategik ini akan dilaksanakan semasa pembentangan pencapaian KPI UPM, kerana KPI Pelan Strategik adalah selari dengan KPI Tahunan UPM, yang diukur dan dinilai dalam tempoh empat kali setahun seperti maklumat berikut:

- Pembentangan Pencapaian KPI Suku Pertama dan Penilaian Pelan Strategik
 - Bulan April pada 2014-2020 (Pencapaian Jan hingga Mac)
- Pembentangan Pencapaian KPI Suku Kedua dan Penilaian Pelan Strategik
 - Bulan Julai pada 2014-2020 (Pencapaian April hingga Jun)
- Pembentangan Pencapaian KPI Suku Ketiga dan Penilaian Pelan Strategik
 - Bulan Oktober 2014-2020 (Pencapaian Julai hingga September)
- Pembentangan Pencapaian KPI Suku Keempat dan Penilaian Pelan Strategik
 - Bulan Januari 2015-2021 (Pencapaian Oktober hingga Disember)



KERANGKA PROSES PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK

9. Penyediaan pelan strategik ini dimulakan pada 22-24 Mac 2013 dengan melibatkan 45 ahli yang terdiri daripada Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Dekan-Dekan Fakulti, wakil Institut dan beberapa ahli yang mengetuai perkhidmatan utama universiti. Selain itu, sesi perbincangan juga melibatkan tujuh ahli lain yang dijemput khas atas kapasiti pengalaman dalam pentadbiran universiti, iaitu Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin, Prof. Dr. Rosli Mohamad, Prof. Emeritus Dr. Abdul Rahman Md. Aroff, Prof. Dr. Mohd Khanif Yusop, Prof. Dr. Mohd. Azmi Mohd. Lila, Prof. Madya Dato' Dr. Idris Abdol dan Prof. Emeritus Dr. Rahim Mad. Sail. Perbincangan meliputi halatuju UPM dalam menyediakan Pelan Strategik untuk 2014 hingga 2020, membuat Analisis SWOT, melihat pencapaian semasa dan sekali gus merangka matlamat dan Objektif Strategik.
10. Bengkel Pelan Strategik peringkat kedua melibatkan 80 ahli, diadakan pada 29-31 Julai 2013 dengan memfokuskan semakan semula kesesuaian matlamat, objektif strategik, sasaran dan pelan tindakan. Bengkel ini disertai oleh semua ahli Jawatankuasa Pengurusan UPM, semua dekan fakulti, semua pengarah Institut, dan tambahan ahli yang melibatkan semua pengarah pusat, pengarah akademi, pengarah pejabat, pengarah bahagian, ketua pentadbiran, semua pengetua kolej, dan wakil Persatuan Pegawai Akademik, wakil Persatuan Pentadbir dan wakil KEPERTAMA.
11. Bengkel Pelan Strategik peringkat ketiga telah diadakan pada 20-22 September 2013 melibatkan 72 ahli, memfokus kepada pemurnian pelan dengan melihat semula keseluruhan Pelan Strategik termasuk penggunaan ayat dan bahasa yang tepat. Bengkel ini melibatkan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan UPM, semua dekan fakulti, semua pengarah institut, semua pengarah pusat, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Jemaah Pengetua dan tambahan dua editor, Timbalan Bendahari Kanan, Ketua Seksyen Kewangan Perakaunan, empat Ketua Pentadbiran dan empat Ketua Bahagian.
12. Pos bengkel telah diadakan pada 1 Oktober 2013, bertujuan untuk mengemas kini semula hasil komen pembentangan pemurnian pada sesi yang ketiga. Pos bengkel diketuai oleh semua peneraju matlamat dan tiga wakil daripada kumpulan mengikut matlamat yang telah dibentuk.
13. Bagi memastikan Pelan Strategik yang dihasilkan adalah lebih komprehensif dan bersifat kolektif, UPM telah melibat pemegang taruh utama dalam rangkaian proses Penyediaan Pelan Strategik 2014-2020. Sehubungan itu, sesi penerangan dan maklum balas untuk pemegang taruh telah dilaksanakan seperti dalam jadual berikut:

Bil	Pemegang Taruh	Tarikh
1	Alumni, Industri dan Wakil Masyarakat	22 Oktober 2013
2	Persatuan Pegawai Akademik, Persatuan Pegawai Tadbir, Kesatuan Kakitangan Am & Persatuan Wanita UPM	23 Oktober 2013
3	Majlis Perwakilan Pelajar, Majlis Tertinggi Mahasiswa, Persatuan & Kelab Pelajar UPM Serdang	1 November 2013
4	Semua Profesor UPM, Timbalan Dekan dan Ketua Laboratori	12 November 2013
5	Ahli Lembaga Pengarah Universiti	25 November 2013



PUTRA GLOBAL 200

14. Putra Global 200 atau PG 200 merupakan salah satu sasaran penting UPM dalam Pelan Strategik 2014-2020. PG 200 merujuk kepada inisiatif dan pelan berkaitan usaha UPM untuk mencapai kejayaan kedudukan 200 universiti terbaik dunia pada 2020 berdasarkan penilaian dalam QS (Quacquarelli Symonds) *World University Ranking*.
15. Oleh yang demikian, semua Matlamat Pelan Strategik, Objektif Strategik dan keseluruhan Pelan Tindakan yang dirancang dalam Pelan Strategik UPM bagi 2014 hingga 2020 adalah mengambil kira inisiatif berimpak tinggi yang akan menyokong kepada pencapaian UPM seperti ditetapkan dalam kriteria QS *World University Ranking*.
16. QS menetapkan empat kriteria utama dan sembilan indikator untuk *Asia University Ranking* dan enam indikator untuk menentukan kedudukan universiti dalam *World University Ranking*. Kriteria tersebut ialah seperti dalam jadual berikut:

Criteria	QS –AUR		QS – WUR		SOURCES
	INDICATOR	WEIGHT	INDICATOR	WEIGHT	
Research Quality	Asian Academic Peer Review	30 %	Global Academic Peer Review	40 %	Global Survey
	Papers per Faculty	15 %	-	-	Sciverse Scopus
	Citations per Faculty	15 %	Citations per Faculty	20 %	Sciverse Scopus
Teaching Quality	Student Faculty Ratio	20 %	Student Faculty Ratio	20 %	QS Database
Graduate Employability	Asian Employer Review	10 %	Global Employer Review	10 %	Global Survey
Internationalisation	International Faculty	2.5 %	International Faculty	5 %	QS Database
	International Students	2.5 %	International Students	5 %	QS Database
	Inbound Exchange Students	2.5 %	-	-	QS Database
	Outbound Exchange Students	2.5 %	-	-	QS Database

“...PG 200 merujuk kepada inisiatif dan pelan berkaitan usaha **UPM** untuk mencapai kejayaan kedudukan **200 universiti terbaik dunia** pada **2020** berdasarkan penilaian dalam **QS** (Quacquarelli Symonds) World University Ranking.”

ANALISIS PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK 2011-2013

17. Pelan Strategik 2011-2013 mempunyai enam matlamat iaitu Matlamat 1: Menarik pelajar cemerlang dan menghasilkan graduan berilmu dan berdaya saing Matlamat 2: Melonjakkan Tahap Pencapaian Penyelidikan dan Inovasi Ke Peringkat Antarabangsa, Matlamat 3: Memperkasakan Penglibatan Komuniti Untuk Penjanaaan dan Perkongsian Ilmu, Matlamat 4: Memperkasakan UPM Sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan, Penyelidikan dan Perkhidmatan Pertanian, dan Biosumber Tropika, Matlamat 5: Mempermantap Tadbir Urus dan Pengurusan Sumber, dan Matlamat 6: Memperkasakan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM) Sebagai Top Business School.
18. Keseluruhan Pelan Strategik 2011-2013 masih dalam proses pelaksanaan dan proses ini akan tamat pada Disember 2013. Daripada 19 objektif taktikal dalam Pelan Strategik 2011-2013, 46 elemen utama telah dijadikan sebagai KPI UPM. Daripada 46 KPI tersebut, terdapat tujuh KPI utama dalam Pelan Strategik 2011-2013 telah dianalisis berdasarkan sasaran akhir tahun 2012 dan pencapaiannya ialah seperti berikut:

- Pada akhir 2013, 20% pemohon program prasiswazah dengan kelayakan sekurang-kurangnya PNGK 3.500 memilih UPM sebagai pilihan pertama.

PENCAPAIAN 2013 : 52.26%

- Pada akhir 2013, 90% daripada graduan bachelor UPM memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian

PENCAPAIAN 2013 : 86.1%

- Pada akhir 2013, jumlah faktor impak 1,500

PENCAPAIAN 2013 : 2379.679 (Faktor Impak)

- Pada akhir 2013, pertambahan jalinan strategik dengan industri dan masyarakat sebanyak 30%

PENCAPAIAN 2013 : 34%



- Pada akhir 2013, 90% staf akademik memiliki kelayakan PhD

PENCAPAIAN 2013 : 83.67%

- Pada akhir 2013, universiti menjana pendapatan untuk menampung 30% perbelanjaan tahunan

PENCAPAIAN 2013 : 30.2 juta

- Pada akhir 2013, pertambahan penglibatan pemegang taruh dalam aktiviti penjaan dan perkongsian ilmu sebanyak 30%

PENCAPAIAN 2013 : 52.8 juta

19. Pencapaian keseluruhan Pelan Strategik 2011-2013 telah diukur dalam KPI UPM berdasarkan 46 KPI seperti berikut:

MATLAMAT	BILANGAN KPI	PENCAPAIAN		
		2011	2012	2013
Matlamat 1				
Akademik	9	89.33%	96.29%	82.68%
Hal Ehwal Pelajar	10	95.60%	98.28%	100%
Matlamat 2				
Penyelidikan dan Inovasi	7	92.61%	85.99%	85.30%
Matlamat 3				
Jaringan Industri dan Masyarakat	6	100%	97.38%	99.82%
Matlamat 4				
Pertanian		Diukur dalam Matlamat 1-3		
Matlamat 5				
Sumber Manusia	6	76.89%	88.93%	72.34%
Kewangan	3	80%	100%	100%
Perkhidmatan Perpustakaan	5	96.29%	100%	100%
Matlamat 6				
Top Business School	Penubuhan Putra Business School	100%	100%	100%
JUMLAH	46	92.74%	95.27%	92.02%



VISI

20. Sebagai kesinambungan daripada Pelan Strategik 2011-2013, UPM mengekalkan kenyataan visinya dalam Pelan Strategik 2014-2020 iaitu untuk 'Menjadi Sebuah Universiti Bereputasi Antarabangsa'. Visi ini masih relevan dan signifikan dengan perkembangan dan hala tuju universiti khususnya dalam kerangka UPM untuk meningkatkan kecemerlangan pada peringkat antarabangsa.
21. Untuk 'Menjadi Sebuah Universiti Bereputasi Antarabangsa', UPM membentuk inisiatif baharu dan memperkasakan strategi yang berimpak tinggi berdasarkan PSPTN dan kriteria penarafan universiti dunia pada masa kini yang telah diukur melalui beberapa kriteria seperti berikut:
- Peratus kebolehpasaran graduan;
 - Penyelidikan yang berimpak tinggi;
 - Pelajar tempatan dan antarabangsa yang cemerlang;
 - Tenaga akademik berkualiti;
 - Bilangan profesor yang berpengalaman dan tersohor kesarjanaannya dalam pelbagai bidang;
 - Kebebasan dalam pengurusan kewangan;
 - Budaya kerja yang cemerlang;
 - Kecekapan sistem governan institusi;
 - Jaringan kolaborasi dan hubungan yang strategik; dan
 - Kemudahan terbaik yang dilengkapi dengan kemudahan terkini untuk meningkatkan proses pembelajaran dan pengajaran serta menggalakkan penyelidikan dan pembangunan.



MISI

22. Komitmen UPM untuk menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa akan dipacu oleh kenyataan Misi, iaitu “Memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu”.



“...Pelan Strategik 2014-2020 didasari oleh **Nilai Utama** iaitu nilai kepunyaan bersama komuniti **UPM** dalam pelaksanaan **perancangan, pelan dan aktiviti Universiti**. Nilai tersebut ialah: **kecemerlangan, kepelbagaian, kelestarian dan integriti.**”

NILAI

23. UPM memastikan staf dan pelajar menghayati, berusaha dan membentuk iltizam yang tinggi ke arah mencapai Universiti Bereputasi Antarabangsa. Justeru, Pelan Strategik 2014-2020 didasari oleh Nilai Utama iaitu nilai kepunyaan bersama komuniti UPM dalam pelaksanaan perancangan, pelan dan aktiviti Universiti. Nilai tersebut ialah: Kecemerlangan, Kepelbagaian, Kelestarian dan Integriti.

KECEMERLANGAN

Kecemerlangan merupakan nilai asas dan komitmen yang mendasari semua perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan profesional dan perundingan, perkhidmatan komuniti dan perkhidmatan lain yang membentuk fungsi UPM. Mencipta kecemerlangan adalah tanggungjawab semua komuniti UPM yang direncanakan dalam bentuk kerjasama kolektif, merentasi pelbagai sempadan perkhidmatan, dan impaknya adalah keunggulan imej dan reputasi universiti. Oleh yang demikian, warga UPM sentiasa berusaha untuk membudayakan kecemerlangan, memelihara kesetiaan, membangkitkan semangat kekitaan, mengutamakan kualiti dan sekali gus sentiasa membuat penambahbaikan demi kemajuan UPM.

KEPELBAGAIAN

Kepelbagaian didefinisikan sebagai kekayaan sumber dalam UPM yang berupaya merencanakan kecemerlangan. Kepelbagaian disiplin ilmu, kepelbagaian tenaga kepakaran, kepelbagaian budaya, kepelbagaian bakat dan kepelbagaian perkhidmatan yang disokong oleh persekitaran kualiti dan integrasi komuniti yang kukuh telah membina kekuatan dan keunikan UPM dalam perkhidmatan pengajian tinggi. Sesungguhnya, UPM yakin dan percaya bahawa kepelbagaian akan meningkatkan kualiti hidup, mencambahkan penerokaan ilmu dan sekali gus dimanfaatkan untuk menjana rangkaian strategik yang menghasilkan kekayaan untuk kemakmuran masyarakat dan kemajuan negara.

KELESTARIAN

UPM menyedari hakikat bahawa perkhidmatan pengajian tinggi yang telah dan sedang dibangunkan perlu bersifat lestari, relevan dengan keperluan masa hadapan, berupaya memajukan ilmu dan dapat membangunkan modal insan untuk kemajuan negara. Oleh itu, membangunkan urus tadbir yang baik, membudayakan kecemerlangan, memanfaatkan kepelbagaian, melaksanakan pengurusan inovatif dan menghasilkan inisiatif perkhidmatan pendidikan tinggi yang berimpak tinggi dan lestari adalah penting supaya UPM terus berupaya menyumbang kepada pembangunan modal insan bertaraf global.

INTEGRITI

Integriti, penghayatan etika kerja dan nilai-nilai murni akan meningkatkan kecekapan perkhidmatan, mengurangkan gejala rasuah, menghakis perlakuan salah guna kuasa, menghindari penyelewengan, meningkatkan produktiviti, membentuk kualiti dan membina kesejahteraan organisasi. Terdapat 12 nilai murni yang dizahirkan UPM iaitu amanah, adil, benar dan telus, bijaksana, bersyukur dan bersabar, cekap, cepat dan tepat, ikhlas, penyayang, berdisiplin, bersih, bertanggungjawab dan berdedikasi. Oleh yang demikian, UPM menyanjung dan komited kepada nilai integriti dalam melaksanakan semua fungsinya kerana UPM percaya bahawa pembentukan sesebuah organisasi yang cemerlang bergantung pada penghayatan, amalan etika kerja dan nilai-nilai murni yang berterusan dalam kalangan ahli-ahli sesebuah organisasi.



MATLAMAT

24. Pelan Strategik UPM 2014-2020 mempunyai lima matlamat berbanding enam matlamat yang digariskan dalam Pelan Strategik 2011-2013. Penggubalan matlamat ini mengambil kira peluang, kekuatan, keupayaan sumber dan cabaran yang perlu ditangani universiti. Selain itu, matlamat yang dibentuk oleh UPM pada 2014-2020 ini juga memberi penekanan kepada tujuh teras dalam PSPTN seperti berikut:

- Teras 1 : Meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti
- Teras 2 : Menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran
- Teras 3 : Memperteguh penyelidikan dan inovasi
- Teras 4 : Memperkasakan institusi pengajian tinggi
- Teras 5 : Mempregiat pengantarabangsaan
- Teras 6 : Membudayakan pembelajaran sepanjang hayat
- Teras 7 : Mengukuhkan sistem penyampaian

25. Dengan melihat perspektif dan cabaran yang menyeluruh, maka UPM telah menghasilkan matlamat Pelan Strategik 2014-2020 seperti berikut:

Matlamat 1

MEMPERTINGKAT KUALITI DAN DAYA SAING GRADUAN

Matlamat 2

PENJANAAN NILAI MELALUI EKOSISTEM RDCE YANG MANTAP DAN LESTARI

Matlamat 3

MELONJAKKAN PERKHIDMATAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Matlamat 4


MEMPERKASAKAN UPM SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PERTANIAN

Matlamat 5

MEMPERTINGKAT KUALITI TADBIR URUS

26. Bagi proses Fasa 1 (2014-2015) Pelan Strategik ini, UPM turut memberi perhatian kepada lima fokus baharu PSPTN Fasa 2 (2011-2015) iaitu (1) Pengukuhan usaha melahirkan modal insan, (2) Memperkayakan kreativiti dan inovasi, (3) Memaksimumkan ekosistem pengajian tinggi, (4) Memanfaatkan globalisasi dan (5) Kepimpinan yang bertransformasi.

REALISASI VISI UPM



27. Berdasarkan model di atas, UPM telah menetapkan lima matlamat untuk menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa, dan matlamat tersebut dibentuk berpandukan senario semasa dan cabaran pengajian tinggi pada masa hadapan. Melalui model ini, senario dan cabaran pengajian tinggi dijadikan sebagai prinsip hala tuju atau panduan utama UPM dalam merangka objektif dan pelan tindakan bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Antara prinsip dan cabaran tersebut termasuklah kebolehpasaran graduan, penarafan, globalisasi, pengantarabangsaan, model ekonomi baru, organisasi kejut, pembangunan kapasiti modal insan, keberhasilan dan nilai tambah, tanggungjawab sosial, keusahawanan akademik, inovasi pengajaran, kurikulum atau program pengajian mengikut keperluan semasa, persaingan untuk mendapatkan peruntukan penyelidikan, kolaborasi, mobiliti pelajar dan akademik, penyelidikan, pembangunan, pengkomersilan dan inovasi dalam memacu ekonomi dan kesejahteraan negara.
28. UPM bersandarkan empat pemboleh ubah utama dalam menentukan kejayaan pelaksanaan pelan tindakan bagi mencapai lima matlamat tersebut. Sebagai faktor kejayaan, pegawai akademik, pegawai bukan akademik dan kumpulan pelaksana, infrastruktur dan sumber kewangan merupakan pemboleh ubah yang memainkan peranan penting untuk menjamin kelestarian dan kecemerlangan UPM.
29. Kecemerlangan, kepelbagaian, kelestarian dan integriti adalah empat nilai kepunyaan bersama warga UPM yang akan merangsang dan melonjak semua inisiatif yang terkandung dalam pencapaian lima matlamat berkenaan. UPM yakin dan percaya bahawa, keampuhan empat nilai ini akan memacu UPM menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa.



MATLAMAT 1

MEMPERTINGKAT KUALITI DAN DAYA SAING GRADUAN

UPM akan meningkatkan pengantarabangsaan program akademik, memperkayakan inovasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, meluaskan pengalaman pelajar pada peringkat global dan mempergiat pembangunan pelajar secara holistik dengan penambahan nilai kepada pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Matlamat ini bukan sahaja dirangka untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dan daya saing graduan dalam pasaran pekerjaan, tetapi ia juga merupakan inisiatif UPM untuk memperkasakan reputasi akademik dan menyokong aktiviti pengantarabangsaan dalam landskap pengajian tinggi.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian Semasa	2015	2020
Kajian reputasi akademik (QS World University Ranking)	327	300	200
Pelajar antarabangsa (QS World University Ranking)	336	250	150
Nisbah pelajar dan pensyarah (QS World University Ranking)	374	250	150
Kajian reputasi majikan (QS World University Ranking)	401	300	200
Pensyarah antarabangsa (QS World University Ranking)	521	350	200
Bilangan kolaborasi perkongsian kursus dengan universiti antarabangsa	9	13	28
Bilangan kolaborasi perkongsian program dengan universiti antarabangsa	8	10	20
Bilangan program Accelerated Bachelor-Master Degree (ABMD) yang ditawarkan dan program <i>degree++</i> prasiswazah	0	4	14
Bilangan program yang mendapat akreditasi antarabangsa	21	29	39
Peratus kursus yang menggunakan pendekatan berinovasi	30%	50%	100%
Peratus pensyarah yang mempunyai kebolehan menggunakan sekurang-kurangnya satu kaedah inovasi dalam pengajaran & pembelajaran	73%	85%	70%

Peratus pelajar melibatkan diri dalam aktiviti yang bertunjangkan aspek jati diri	-	20%	70%
Peratus pelajar yang disemai dan ditanamkan budaya ilmu yang dinamik untuk mendepani cabaran semasa	-	15%	55%
Peratus kebolehpasaran graduan	77.2%	86.2%	90%
SETARA (Sistem Penarafan IPT)	Tier 5	Tier 6	Tier 6
D-SETARA (Sistem Penarafan Subjek)	Tier 5	Tier 6	Tier 6

Objektif Strategik 1 :

Menambah Nilai dan Meningkatkan Kualiti Program Akademik

Objektif Strategik 2

Memperkasakan Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Objektif Strategik 3 :

Mempertingkatkan Nilai dan Potensi Pelajar Secara Holistik

Objektif Strategik 1 : Menambah Nilai dan Meningkatkan Kualiti Program Akademik

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Meningkatkan perkongsian kursus dalam program yang relevan untuk dilaksanakan dengan rakan MoU/MoA sedia ada dan mewujudkan jaringan baharu dengan institusi bertaraf antarabangsa;
- Meningkatkan kolaborasi program dengan universiti terkemuka pada peringkat global (universiti yang disenaraikan dalam *top world university ranking*);
- Memastikan semua program profesional mendapat akreditasi pada peringkat antarabangsa;
- Mengenal pasti program yang berpotensi dan berdaya saing untuk diakreditasi;
- Menambah baik infrastruktur bagi menyokong kecemerlangan program;
- Membangunkan kampus luar pesisir (offshore);
- Memperkemas tadbir urus dan sistem pengoperasian program kolaborasi antarabangsa; dan
- Memperuntukkan dana untuk melaksanakan aktiviti berkaitan.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	2020
Bilangan kolaborasi perkongsian kursus dengan universiti antarabangsa	9	28
Bilangan kolaborasi perkongsian program dengan universiti antarabangsa	8	20
Bilangan program Accelerated Bachelor-Master Degree (ABMD) yang ditawarkan dan program degree++ prasiswazah	0	14
Bilangan program yang mendapat akreditasi antarabangsa	21	39

Objektif Strategik 2 : Memperkasakan Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Memberikan latihan secara komprehensif kepada pegawai akademik untuk membangunkan bahan pembelajaran kursus yang berinovatif;
- Mempertingkatkan usaha membangunkan produk bahan pengajaran;
- Memberikan penghargaan kepada pegawai akademik yang berjaya menghasilkan bahan pembelajaran yang berinovasi;
- Mengambil kira kejayaan penghasilan bahan pembelajaran yang berinovasi sebagai salah satu kriteria kenaikan pangkat pegawai akademik;
- Mengambil kira penggunaan kaedah inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran sebagai salah satu kriteria untuk kenaikan pangkat pegawai akademik;
- Menyediakan prasarana dan kemudahan bahan pengajaran dan pembelajaran untuk menggalakkan penggunaan inovasi dalam kursus; dan
- Melaksanakan inovasi pembelajaran dalam kursus yang ditawarkan.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	2020
Peratus kursus yang menggunakan pendekatan berinovasi	30%	100%
Peratus pensyarah yang mempunyai kebolehan menggunakan sekurang-kurangnya satu kaedah inovasi dalam pengajaran & pembelajaran	73%	70%



Objektif Strategik 3 : Mempertingkatkan Nilai dan Potensi Pelajar Secara Holistik

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Menganjurkan aktiviti yang memberi impak utama berasaskan JERI (jasmani, emosi, rohani dan intelektual) kepada semua pelajar;
- Menggiatkan libat sama pelajar dalam aktiviti kemasyarakatan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- Mengaplikasi elemen kenegaraan dalam pelaksanaan aktiviti;
- Memberi pengalaman sebenar dalam keusahawanan;
- Membekalkan pengetahuan dan kemahiran untuk mengenal pasti peluang yang boleh menjana faedah kepada graduan;
- Mewujudkan bantuan kewangan kepada pelajar antarabangsa yang cemerlang;
- Menyemak semula kriteria pelaksanaan program mobiliti pelajar;
- Memperuntuk dana bagi pelajar mengikuti program mobiliti *inbound* dan *outbound*;
- Meningkatkan bilangan pelajar yang mengikuti program mobiliti satu semester;
- Mengadakan kerjasama skim latihan graduan yang dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan;
- Mendedahkan bakal graduan mengenai aspek perkembangan semasa *talent management issues*; dan
- Menjalankan kajian *Employer Expectation Survey* untuk mengukur pandangan majikan terhadap graduan.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	2020
Peratus pelajar melibatkan diri dalam aktiviti yang bertunjangkan aspek jati diri	-	70%
Peratus pelajar yang disemai dan ditanamkan budaya ilmu yang dinamik untuk mendepani cabaran semasa	-	55%
Peratus kebolehpasaran graduan	77.2%	90%



“ Sebagai Universiti Penyelidikan, **UPM** akan memantapkan **RDCE** melalui **pemeriksaan modal insan berprestasi tinggi**, mewujudkan **polisi yang strategik**, mengurus sumber dengan **optimum** dan **cekap**, **meningkatkan inovasi yang lestari** dan sekali gus **menjana nilai** untuk **kemajuan industri dan kesejahteraan masyarakat**. ”

MATLAMAT 2 PENJANAAN NILAI MELALUI RDCE YANG MANTAP DAN LESTARI

Sebagai Universiti Penyelidikan, UPM akan memantapkan RDCE melalui pemerkasaan modal insan berprestasi tinggi, mewujudkan polisi yang strategik, mengurus sumber dengan optimum dan cekap, meningkatkan inovasi yang lestari dan sekali gus menjana nilai untuk kemajuan industri dan kesejahteraan masyarakat. Matlamat ini menyokong aktiviti pengantarabangsaan universiti, memperkukuh simbiosis antara aktiviti penyelidikan dan pengajaran, mempergiat penyertaan pelajar dalam program penyelidikan, dan memacu pengkomersilan dan pemindahan teknologi seperti pelesenan dan paten.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian Semasa	2015	2020
<i>Citations Per Faculty</i> (QS World University Ranking)	669	600	500
Peratus penerbitan dalam <i>Quartile 1</i>	25%	30%	50%
Anugerah dan pengiktirafan oleh badan akademik dan profesional yang berwibawa di peringkat kebangsaan / antarabangsa	Kebangsaan : 206	Kebangsaan : 250	Kebangsaan : 500
1. Bilangan <i>Stewardship</i>	Antarabangsa: 104	Antarabangsa: 150	Antarabangsa: 400
2. Bilangan anugerah / pengiktirafan			
Bilangan penyelidik yang menerima geran antarabangsa dan industri	Swasta : 30	Swasta : 40	Swasta : 80
	Antarabangsa: 36	Antarabangsa: 36	Antarabangsa : 41
Bilangan fasiliti yang diakreditasi	5	25	50
Jumlah nilai geran penyelidikan	Awam: RM50 juta	Awam: RM55 juta	Awam: RM80 juta
	Antarabangsa: RM13.7 juta	Antarabangsa: RM15 juta	Antarabangsa: RM32 juta
Bilangan jurnal UPM yang diindeks dalam pangkalan data SCOPUS/ ISI	3	7	17
Bilangan harta intelek yang dikomersilkan	6	7	10
Impak daripada harta intelek	RM0.5 juta	RM1.5 juta	RM5 juta

Penjanaan pendapatan daripada 1. Pengkomersilan harta intelek 2. Sumber-sumber lain (perkhidmatan makmal, inisiatif EduPark dsb)	RM0.5 juta RM1.5 juta	RM1.5 juta RM3.0 juta	RM5.0 juta RM8.0 juta
MyRA (Malaysia Research Assesment)	6 Bintang	6 Bintang	6 Bintang

Objektif Strategik 1 :

Modal Insan Berprestasi Tinggi

Objektif Strategik 2 :

Polisi, Sumber dan Sistem Sokongan yang Mantap dan Lestari

Objektif Strategik 3 :

Inovasi Ke Arah Penjanaan Nilai untuk Universiti, Industri dan Masyarakat

Objektif Strategik 1 : Modal Insan Berprestasi Tinggi

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Memperkasakan program penyelidikan dan kumpulan penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan Tahap Q1
 - Geran penyelidikan universiti
 - Menganjurkan bengkel perancangan penyelidikan dan penulisan kertas cadangan penyelidikan yang berimpak tinggi;
- Struktur insentif baru yang mampu menggalakkan pengukuhan kumpulan penyelidikan;
- Mempelawa 100 penyelidik berimpak tinggi/Indeks tinggi termasuk *Nobel Laureatte* bagi menyokong agenda kluster dan program penyelidikan (maksimum 2 minggu) dan KPIs;
- Pemerksaan program *Nobel Laureatte* melalui penempatan penyelidik UPM di makmal penyelidikan terkemuka bagi merealisasikan inisiatif mewujudkan penyelidik bertaraf *Nobel Laureatte*;
- Memastikan kelestarian kumpulan bakat penyelidikan *pool of research talents* daripada kalangan pelajar asasi dan pra siswazah UPM cemerlang melalui penawaran biasiswa ke peringkat pengajian yang lebih tinggi;
- Mengukuhkan program sangkutan pelajar PhD di makmal penyelidikan yang terpilih melalui program pementoran Profesor terkemuka di luar negara;
- Pemerksaan program penyelidikan dengan menyediakan dana untuk membiayai pasca doktoral dan felo penyelidik yang berkualiti;
- Menyedia dan mengemas kini pangkalan data untuk pemberian anugerah dan mengenal pasti serta menyediakan portfolio calon;

- Memberi peruntukan keahlian penyelidik dalam badan ilmiah dan profesional;
- Meningkatkan penglibatan staf dalam aktiviti *learned societies* (Menghadiri mesyuarat/aktiviti bagi yang berjawatan dalam persatuan/pertubuhan);
- Membiayai penyertaan penyelidik dalam pameran penyelidikan dan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- Menambah baik polisi berkaitan penyelidikan kontrak dan perundingan (untuk mengenal pasti geran daripada industri yang diterima oleh penyelidik UPM);
- Menyediakan Geran Sokongan Industri untuk menyokong penyelidikan kolaborasi antara UPM-Industri;
- Menyediakan Geran Sokongan Antarabangsa untuk menyokong penyelidikan kolaborasi;
- Mempromosikan kepakaran penyelidikan (kumpulan dan program) secara agresif kepada sektor industri;
- Mengenal pasti peluang untuk penyelidik memainkan peranan utama dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri;
- Meningkatkan hebahan bagi memperkenalkan penyelidik kepada komuniti penyelidik antarabangsa melalui hubungan jaringan antarabangsa yang meluas;
- Meningkatkan dan memperkukuh hubungan strategik bersama kumpulan penyelidikan dan individu terkemuka;
- Mempelawa agensi penaja dan penilai geran bagi memberi khidmat nasihat/seminar/bengkel mengenai kriteria yang diperlukan bagi kertas cadangan diterima/diluluskan semasa penilaian;
- Menganjurkan sesi perkongsian maklumat dengan penerima geran industri yang berjaya; dan
- Menganjurkan sesi perkongsian maklumat dengan penerima geran antarabangsa yang berjaya.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	2020
Peratus penerbitan dalam <i>Quartile 1</i>	25%	50%
Anugerah dan Pengiktirafan oleh badan akademik dan profesional yang berwibawa di peringkat kebangsaan / antarabangsa	Kebangsaan : 206	Kebangsaan : 500
1. Bilangan <i>Stewardship</i>	Antarabangsa: 104	Antarabangsa: 400
2. Bilangan anugerah / pengiktirafan		
Bilangan penyelidik yang menerima geran antarabangsa dan industri	Swasta : 33	Swasta : 80
	Antarabangsa : 36	Antarabangsa : 41

Objektif **Strategik** 2 : Polisi, Sumber dan Sistem Sokongan yang Mantap dan Lestari

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Mengukuhkan makmal/kaedah ujian asas yang dikenal pasti untuk diakreditasi;
- Mengukuhkan kemudahan makmal strategik, contoh GMP (Makmal vaksin), *Clean Room, Integrated Circuit Fabrication Lab, Graphene Production Lab, Lab Animal, Material Analysis Lab, Calibration centre*;
- Latihan dan pembangunan untuk meningkatkan kemahiran dan pensijilan staf teknikal dan pegawai akademik;
- Menaik taraf sistem *Central Equipment Management System (CEMS)* dan mengemas kini pangkalan data makmal;
- Menambah baik polisi berkaitan penyelidikan kontrak dan perundingan (untuk mengenal pasti geran daripada industri yang diterima oleh penyelidik UPM);
- Menyediakan Geran Sokongan Industri untuk menyokong penyelidikan kolaborasi antara UPM-Industri;
- Mempromosikan kepakaran penyelidikan (kumpulan dan program) secara agresif kepada sektor industri;
- Mendapatkan peluang untuk penyelidik memainkan peranan utama dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh pihak industri;
- Mempromosikan kepakaran penyelidikan (kumpulan dan program) secara agresif kepada sektor industri dan agensi geran antarabangsa);
- Meningkatkan dan memperkukuh hubungan strategik bersama kumpulan penyelidikan dan individu terkemuka;
- Mempelawa agensi penaja dan penilai geran bagi memberi khidmat nasihat/seminar/bengkel mengenai kriteria yang diperlukan bagi kertas cadangan diterima/diluluskan semasa penilaian;
- Membida geran khas yang disediakan bagi agenda dan isu kebangsaan;
- Menganjurkan sesi perkongsian maklumat dengan penerima geran antarabangsa yang berjaya;
- Menyediakan pangkalan data pemberi geran; dan
- Menyediakan dan mengemas kini *Directory of Experts*.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	2020
Bilangan fasiliti yang diakreditasi	5	50
Jumlah nilai geran penyelidikan	Awam: RM50 juta Antarabangsa: RM13.7 juta	Awam: RM80 juta Antarabangsa: RM32 juta
Bilangan jurnal UPM yang diindeks dalam pangkalan data SCOPUS/ ISI	3	17

Objektif **Strategik 3** : Inovasi ke Arah Penjanaan Nilai untuk Universiti, Industri dan Masyarakat

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- *Innovation Discovery Programme*- Identifikasi dan perancangan strategik IP yang berpotensi (melalui pembangunan pasukan juara inovasi/*innovation champions*);
- Memantapkan proses pemilihan untuk pemfailan /perlindungan harta intelek;
- Promosi inovasi universiti kepada industri, kementerian dan masyarakat (sidang media Putra Cipta, Hari Terbuka Inovasi PTJ, sesi padanan perniagaan, *global visibility through web presence*, video korporat, *billboard*, MIE expo, pameran, *Techno-marketing Competition*);
- Mengukuhkan jenama teknologi UPM dan eDU-PARK dengan meningkatkan publisiti dan memastikan semua inovasi UPM membawa cap dagang inovasi UPM ‘UPM Innovation’;
- Pemerkasaan pengurusan inovasi yang lebih sistematik dan berpusat (pengurusan perlindungan, perhubungan pelanggan, perlesenan dan pengkomersilan harta intelek/inovasi);
- Penyediaan pelantar validasi pasaran dan *upscaling* inovasi melalui InnoHub (Bridging Lab to Market);
- Pembangunan *Agri and Food Park*;
- Penaiktarafan Kompleks Putra Mart (merangkumi *Design House* untuk produk ID, dan Spa untuk produk herba dari Taman Konservatori UPM);
- *Showcase* inovasi UPM melalui eDU-PARK (merangkumi NYAWA dan *explore*); dan
- Promosi perkhidmatan makmal UPM (termasuk *certified in-house test methods*) melalui *Putra Lab Services* (dengan kerjasama UPMCS).

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	2020
Bilangan harta intelek yang dikomersilkan	6	10
Impak daripada harta intelek	RM0.5 juta	RM5 juta
Penjanaan pendapatan daripada		17
1. Pengkomersilan harta intelek	RM0.5 juta	3.5 juta
2. Sumber-sumber lain (perkhidmatan makmal, inisiatif EduPark dsb)	RM1.5 juta	8.0 juta



“ UPM akan meluaskan perkhidmatan jaringan sama ada dengan sektor industri atau masyarakat untuk memperkukuh semangat kerjasama dan meraih dana bagi menjalankan pelbagai aktiviti yang menyokong kemakmuran persekitaran akademik, penyelidikan, penjana pendapatan untuk pembangunan sumber dan menyediakan peluang latihan kepada pelajar dan staf. ”

MATLAMAT 3

MELONJAKKAN PERKHIDMATAN JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Berkongsi kepakaran dan melaksanakan pemindahan ilmu kepada masyarakat adalah sebahagian daripada peranan universiti khususnya dalam menjayakan agenda tanggungjawab sosial. UPM berusaha memperkukuh kerjasama strategik universiti-industri, universiti-masyarakat atau universiti-industri-masyarakat menerusi penganjuran program melibatkan pengemblengan kepakaran yang memberi nilai tambah kepada pembangunan industri, mencari penyelesaian kepada permasalahan sosial semasa negara serta usaha mentransformasikan masyarakat sebagaimana dihasratkan oleh kerajaan. Hubungan strategik tersebut juga akan menyokong fungsi Universiti menerusi menjana pendapatan dari industri untuk mempertingkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran, pelaburan menerusi komersialisasi produk penyelidikan serta penganjuran latihan kemahiran kepada pelajar dan staf. Fokus fungsi jaringan industri dan masyarakat UPM bagi tempoh 2014-2020 adalah untuk mempertingkatkan keberkesanan peranan universiti kepada industri dan masyarakat serta memastikan impak program yang dianjurkan. Untuk menyokong program pengantarabangsaan, aktiviti jaringan industri dan masyarakat akan direncanakan hingga ke tahap global menerusi pelbagai program seperti kesukarelawan, khidmat masyarakat, persidangan, khidmat nasihat dan perundingan supaya ia memberi impak terhadap penjenamaan UPM pada peringkat antarabangsa.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian Semasa	2015	2020
QS World University Ranking	411	350	200
Kajian reputasi majikan (QS World University Ranking)	401	370	280
Peratusan jumlah jaringan industri dan komuniti yang berimpak tinggi	3%	4%	10%
Bilangan geran penyelidikan dan pengembangan	40	42	52
Bilangan staf terlibat dalam aktiviti JINM	450	475	600
Bilangan program JINM bertaraf antarabangsa	8	9	14
Jumlah sumbangan aktiviti JINM dari pelbagai sumber	40j	42j	52j
Program angkat pemindahan ilmu	16	18	25
Jumlah dana tabung JINM	500k	550k	800k

Objektif Strategik 1 :

Memperkasakan Peranan Jaringan Industri dan Masyarakat Seajar dengan Keperluan Negara dan Antarabangsa

Objektif Strategik 2 :

Menyebarkan Kepakaran Universiti untuk Industri dan Komuniti Melalui JINM

Objektif Strategik 3 :

Menjana Pendapatan untuk Menyokong Aktiviti JINM

Objektif Strategik 1 : Memperkasakan Peranan Jaringan Industri dan Masyarakat Seajar dengan Keperluan Negara dan Antarabangsa

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Melantik Jawatankuasa Pemandu JINM 2014;
- Memastikan Jawatankuasa Pemandu JINM mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk memastikan pencapaian hala tuju JINM UPM;
- Menyediakan peruntukan daripada belanja mengurus untuk aktiviti JINM PTJ;
- Menjajarkan aktiviti JINM UPM dengan keperluan semasa negara dan berasaskan kepada *Industry and Community Engagement – The University Framework* dan PSPTN (2014-2020);
- Mewujudkan sistem pengiktirafan iaitu salah satu kriteria kenaikan pangkat dengan keluwesan skop JINM 10-20% pada tahun 2015;
- Mewujudkan peruntukan khas Universiti untuk geran *flagship* JINM;
- Menggalakkan projek penyelidikan atau pengembangan berkaitan pemindahan ilmu berunsurkan JINM;
- Memantapkan prosedur permohonan geran penyelidikan atau pengembangan
- Meningkatkan penglibatan staf dalam program JINM yang berimpak; dan
- Melatih 10% staf yang terlibat dalam program JINM yang berimpak dengan kemahiran pengembangan setiap tahun.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	2020
Peratus jaringan industri dan komuniti yang berimpak tinggi	3%	10%
Bilangan geran penyelidikan dan pengembangan berkaitan JINM	40 Projek	52 Projek
Memasyarakatkan kepakaran Universiti melalui JINM	450 staf	600 staf

Objektif **Strategik 2** : Menyebarluaskan Kepekaran Universiti untuk Industri dan Komuniti Melalui JINM

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Membangunkan program angkat yang melibatkan industri dan komuniti setempat;
- Membangunkan direktori kepekaran JINM UPM;
- Membangunkan *e-Extension* UCTC & CiRNet; dan
- Mempertingkatkan program JINM UPM pada peringkat antarabangsa.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	2020
Bilangan program angkat di PTJ untuk meningkatkan penglibatan universiti dengan industri & komuniti secara komprehensif	-	1/PTJ
Bilangan program JINM di arena antarabangsa	50	80

Objektif **Strategik 3** : Menjana Pendapatan untuk Menyokong Aktiviti JINM

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Mempergiat aktiviti pemasaran kepekaran dan mendapatkan sumber daripada pihak industri dan komuniti bagi membangun dan melaksanakan program JINM; dan
- Mewujudkan Tabung Amanah JINM di PTJ dan menjana kewangan bagi mobiliti latihan industri antarabangsa untuk pelajar atau aktiviti JINM di PTJ yang melibatkan program mobiliti staf.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	2020
Jumlah sumbangan kewangan atau nilai yang setara (in-kind)	40 juta	52 juta
Jumlah pendapatan untuk Tabung Amanah JINM	500,000	800,000



“ UPM akan menggembeng usaha untuk menjadi Pusat Rujukan Sekuriti Makanan dan Pertanian Lestari dan Pusat Kecemerlangan Pengembangan Pertanian. ”

MATLAMAT 4

MEMPERKASAKAN UPM SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PERTANIAN

UPM memberi perhatian penting kepada agenda PERTANIAN kerana sejarah UPM bermula dengan pertanian dan keputusan *QS World University Ranking* menunjukkan bahawa UPM berada pada kedudukan pertama di Malaysia dan lingkungan 51-100 di dunia bagi kategori penarafan subjek untuk bidang pertanian. UPM juga telah mengeluarkan banyak intelek pertanian yang mencorak pembangunan pertanian negara dan sehingga kini masih menghasilkan modal insan profesional untuk membantu kelangsungan pembangunan ekonomi negara khususnya dalam sektor pertanian. Pertanian juga berkait rapat dengan isu sekuriti makanan iaitu suatu cabaran kritikal yang sedang dihadapi oleh komuniti global. Oleh yang demikian, matlamat ini merupakan satu inisiatif UPM dalam meningkatkan sumbangan untuk pembangunan modal insan bidang pertanian, menyediakan ilmu keusahawanan pertanian, berusaha meningkatkan teknologi dan inovasi pertanian serta meluaskan program pengembangan untuk pemindahan teknologi pertanian. Justeru, UPM akan menggembeng usaha untuk menjadi Pusat Rujukan Sekuriti Makanan dan Pertanian Lestari dan Pusat Kecemerlangan Pengembangan Pertanian.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian Semasa	2015	2020
<i>QS World University Ranking</i>	411	350	200
<i>Subjects Ranking</i> (QS World University Ranking)	51-100	45	30
Bilangan graduan yang diterima bekerja di agensi/ syarikat atau menerima biasiswa untuk melanjutkan pengajian di universiti bertaraf antarabangsa	15%	20%	30%
Bilangan graduan yang terlatih dalam keusahawanan serta menjadi perantis pertanian	5%	-	13%
Bilangan inovasi dalam bidang pertanian	-	7%	15%
Bilangan projek pertanian bandaran	-	2	5
Bilangan program akademik, institut, pusat dan makmal baharu dalam bidang sekuriti makanan	-	1	1
Bilangan program akademik, institut, pusat dan makmal baharu dalam bidang perladangan lestari	-	4	10
Bilangan teknologi UPM yang diterima pakai oleh industri dan masyarakat	27	29	34
Bilangan spesies tumbuhan, haiwan, ikan dan mikrob yang dikatalogkan	100,000	100,200	101,000

Bilangan spesies tumbuhan, haiwan, ikan dan mikroba yang didomestikasi	-	1	1
Memasarkan kedudukan 50 terbaik dunia dalam bidang pertanian berdasarkan sistem penarafan antarabangsa yang diiktiraf	50-100	50-100	<50
Menjadi perunding/penasihat pertanian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	95	110	145
Jumlah pendapatan dari aktiviti pertanian	5 juta	10 juta	50 juta

Objektif Strategik 1 :

Meningkatkan Keterampilan Disiplin Pertanian dan Modal Insan di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Objektif Strategik 2 :

Melahirkan Graduan yang Memiliki Atribut dan Budaya Keusahawanantani

Objektif Strategik 3 :

Menjadi Pusat Rujukan Inovasi Sekuriti Makanan

Objektif Strategik 4 :

Menerajui Inovasi Perladangan Lestari

Objektif Strategik 5 :

Menjadi Pusat Repositori dan Inovasi Agrobiodiversiti

Objektif Strategik 6 :

Meningkatkan Penjanaaan Pendapatan melalui Aktiviti Pertanian

Objektif Strategik 1 : Meningkatkan Keterampilan Disiplin Pertanian dan Modal Insan di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Meningkatkan kemahiran insaniah dan kemahiran bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar;
- Menempatkan pelajar di agensi/syarikat bertaraf antarabangsa untuk latihan industri;

- Mengukuhkan jaringan dengan penaja biasiswa antarabangsa;
- Menganggotai jawatankuasa tertinggi badan profesional dan agensi antarabangsa;
- Membida penganjuran seminar antarabangsa;
- Memperkasakan penyelidikan melalui penerbitan berimpak tinggi dan geran antarabangsa;
- Meningkatkan bilangan pelajar dan staf antarabangsa;
- Meningkatkan kolaborasi dengan institusi/universiti luar negara;
- Mempromosi kepakaran UPM; dan
- Membida projek dari badan perundingan antarabangsa.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	Sasaran 2020
Bilangan graduan pertanian yang diterima bekerja di agensi/syarikat atau menerima biasiswa untuk melanjutkan pengajian di universiti bertaraf antarabangsa	15%	30%
Menyasarkan kedudukan 50 terbaik dunia dalam bidang pertanian berdasarkan sistem penarafan antarabangsa yang diiktiraf.		
1. Kedudukan disiplin pertanian UPM dalam sistem penarafan dunia berasaskan QS.	50-100	<50
2. Bilangan seminar, konferensi, forum pertanian antarabangsa	14	28
Menjadi perunding/penasihat pertanian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa	95	145

Objektif Strategik 2 : Melahirkan Graduan yang Memiliki Atribut dan Budaya Keusahawanantani

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Memperkasakan projek perniagaan UPM seperti Putra Mart, Nurseri Komersil, Klinik dan Hotel Haiwan;
- Memperbanyak aktiviti kelab *MyAgrosis*;
- Memantapkan kursus keusahawan pertanian; dan
- Memantapkan program inkubasi usahawantani.



Pengkukuran Kejayaan Sasaran Prestasi		
	Pencapaian 2012	Sasaran 2020
Bilangan graduan yang terlatih dalam keusahawanantani serta menjadi perantis pertanian (agriculture apprentice)	5%	13%

Objektif Strategik 3 : Menjadi Pusat Rujukan Inovasi Sekuriti Makanan

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Menghasilkan baja fertigasi organik, biopestisid, biobaja, baja lepaslahan, varieti baru padi, baka baharu kambing, ayam dan ikan, vaksin baharu, kacip fatimah, makanan ternakan tambahan berherba, tanaman transgen, produk berasaskan sisa buangan;
- Menjadikan Serdang/Putrajaya sebagai bandar angkat program /projek pertanian bandaran;
- Menjalinkan kerjasama dengan agensi/institusi/majlis perbandaran yang berkaitan;
- Menubuhkan pusat kecemerlangan pengeluaran tanaman makanan, buah-buahan, penternakan, akuakultur dan pemprosesan makanan; dan
- Menubuhkan makmal pusat akreditasi untuk tujuan menganalisis sampel pertanian.

Pengkukuran Kejayaan Sasaran Prestasi		
	Pencapaian 2012	Sasaran 2020
Bilangan penemuan/inovasi dalam bidang pertanian	-	15%
Bilangan projek pertanian bandaran	-	5
Bilangan program akademik, institut, pusat dan makmal baharu dalam bidang sekuriti makanan	-	1

Objektif Strategik 4 : Menerajui Inovasi Perladangan Lestari

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Menawarkan program Bachelo Sains Pengurusan Perladangan;
- Menubuhkan Institut Pengeluaran Tanaman Perladangan;
- Menubuhkan stesen penyelidikan luar kelapa sawit di Tangkak dan undang galah di Pagoh;
- Mewujudkan Skim Profesor Pengembangan;
- Memperkasakan fungsi UCTC;
- Mewujudkan ladang angkat yang mengaplikasikan teknologi atau inovasi baharu UPM; dan
- Menawarkan kursus berkaitan teknologi dan inovasi pertanian terkini kepada agen pengembangan.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	Sasaran 2020
Bilangan program pengajian baharu dalam bidang perladangan	-	1
Bilangan institut tanaman perladangan	-	1
Bilangan pusat kecemerlangan tanaman makanan	-	1
Bilangan jerayawara yang dijadikan sebagai rujukan pendidikan, pengeluaran dan pemprosesan produk makanan melalui pertanian lestari	-	6
Bilangan makmal berpusat bagi perkhidmatan analisis sampel pertanian	-	1
Bilangan teknologi atau inovasi yang diterima pakai oleh pengeluar produk pertanian	27	34

Objektif Strategik 5 :Menjadi Pusat Repositori dan Inovasi Agrobiodiversiti

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Mengenal pasti dan mengumpul sumber genetik tumbuhan, haiwan, ikan dan mikrob yang berpotensi sebagai makanan untuk dikatalogkan;
- Menghasilkan baka baharu dari sumber genetik tumbuhan, haiwan, ikan dan mikrob untuk meningkatkan sumber makanan;

- Memperkasakan pusat agrogen bank, pusat pangkalan data dan krio-awaten (cryopreservation); dan
- Menubuhkan Pusat Tanaman Gaharu dan Akuakultur di UPMKB.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	Sasaran 2020
Bilangan spesies tumbuhan, haiwan, ikan dan mikroba yang dikatalogkan	100,000	101,000
Bilangan spesies tumbuhan, haiwan, ikan dan mikroba yang didomestikasi	-	1

Objektif **Strategik 6** :Meningkatkan Penjanaan Pendapatan Melalui Aktiviti Pertanian.

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Memperkasakan projek perniagaan UPM termasuk: Putra Mart, Nurseri Komersil, Makmal Diagnosa Pertanian, Klinik dan Haiwan & Agri-Pelancongan;
- Mengusahakan ladang komersil kelapa sawit seluas 1000 di luar UPM;
- Mempergiat *technology know how and licensing*;
- Mengusahakan projek pertanian bandaran komersil;
- Projek penternakan ayam Akar Putra;
- Projek akuakultur di Pagoh; dan
- Projek perkhidmatan makanan.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	Sasaran 2020
Jumlah pendapatan dari aktiviti pertanian	RM5 juta	RM50 juta





MATLAMAT 5

MEMPERTINGKAT KUALITI TADBIR URUS

Tadbir urus yang berkualiti dan mempunyai tahap kerelevanan yang tinggi terhadap matlamat Pelan Strategik 2014-2020 adalah penting bagi menyokong semua objektif strategik dan pelan tindakan yang sedang direncanakan. UPM akan memastikan Tadbir Urus dan pengurusan sumber yang cekap, berkesan dan mempunyai impak terhadap pencapaian universiti dalam ranking dan aktiviti pengantarabangsaan. Aspek tadbir urus ini termasuklah pengurusan sumber yang meliputi pembangunan sumber manusia, pengurusan kewangan, penyediaan kemudahan untuk menyokong kemajuan akademik dan penyelidikan, serta perkhidmatan utama yang lain.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian Semasa	2015	2020
QS World University Ranking	411	350	200
Student Faculty Ratio (QS World University Ranking)	374	300	150
International Faculty (QS World University Ranking)	521	350	166
Skor Indeks Kebertanggungjawaban (IA) dan Indeks Tadbir Urus Universiti (UGGI)	-	4	4
Skor Indeks Keselamatan dan Skor Indeks Kesejahteraan warga UPM	-	70%	80%
Skor Indeks Imej UPM	-	80%	80%
Bilangan pelantikan mengikut perancangan keperluan	-	562	662
Nisbah kecekapan dan keberkesanan sumber manusia	-	1:12	1:12
Kadar pusingan ganti kerja (turnover) pegawai akademik	-	0.01	0.01
Mempertingkatkan penajanaan pendapatan secara optimum	RM350.59 juta	RM554.43 juta	RM698.46 juta
Mencapai skor 4 bintang (cemerlang) di dalam pengukuran Indeks Akauntabiliti Kewangan	-	>90%	>90%
Implementasi <i>Single Sign On</i> (SSO)	-	10%	9%
Melaksanakan pembangunan fizikal mengikut pelan induk guna tanah UPM	-	20%	100%

Melaksanakan penyelenggaraan pencegahan	-	50%	100%
Pengurusan ruang yang berkesan bagi memastikan setiap ruang digunakan secara optimum	-	90%	100%
Peratus peningkatan koleksi buku: 2% setahun	-	2%	2%

Objektif Strategik 1 :

Memperkasakan Amalan Tadbir Urus

Objektif Strategik 2 :

Meningkatkan Kepatuhan Organisasi Kejat

Objektif Strategik 3 :

Melaksanakan Pengurusan Kewangan yang Cepak dan Berkesan Berdasarkan Model D (60:40)

Objektif Strategik 4 :

Meningkatkan Infrastruktur, Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Objektif Strategik 1 : Memperkasakan Amalan Tadbir Urus

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Melaksanakan tadbir urus mengikut kriteria yang ditetapkan dalam Indeks Akauntabiliti (IA) dan Indeks Tadbir Urus Universiti (UGGI);
- Memantapkan pengurusan kualiti secara berterusan;
- Mempertingkatkan profesionalisme staf akademik dan bukan akademik;
- Meningkatkan tahap keselamatan dalam kampus;
- Meningkatkan tahap kesedaran kesihatan warga kampus;
- Melaksanakan program keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara berterusan;
- Memperkasakan penjenamaan universiti;
- Melaksanakan tanggungjawab sosial korporat melalui penganjuran aktiviti kemasyarakatan yang berimpak tinggi;
- Menterampilkan UPM melalui pengukuhan aktiviti pemasaran dan komunikasi;
- Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan; dan
- Melaksanakan program Inisiatif Hijau.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi		
	Pencapaian 2012	Sasaran 2020
Skor Index Kebertanggungjawaban (IA) dan Indeks Tadbir Urus Universiti (UGGI)	-	4
Skor Indeks Keselamatan dan Skor Indeks Kesejahteraan warga UPM	-	80%
Skor Indeks Imej UPM	-	80%

Objektif **Strategik 2** : Meningkatkan Kepatuhan Organisasi Kejat

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Membuat penstrukturan semula sumber; dan
- Melestarikan pengurusan bakat (memperkasakan kelayakan dan kemahiran staf) iaitu pegawai akademik mempunyai kelayakan PhD dan setara, dan pegawai bukan akademik yang memiliki kebolehan *multitasking*.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi		
	Pencapaian 2012	Sasaran 2020
Bilangan pelantikan mengikut perancangan keperluan	-	660
Nisbah kecekapan dan keberkesanan sumber manusia	-	1:12
Kadar pusingan ganti kerja (turnover) pegawai akademik	-	0.01

Objektif **Strategik 3** : Melaksanakan Pengurusan Kewangan yang Cepak dan Berkesan Mengikut Model D

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Mengenakan kadar yuran kompetitif bagi pelajar antarabangsa;
- Mengkaji semula kadar yuran pelajar antarabangsa setiap lima tahun;

- Menambah bilangan Program Eksekutif di beberapa PTJ (program prasiswa);
- Meningkatkan fasiliti dan kemudahan untuk menarik pelajar antarabangsa;
- Membuat bidaan secara strategik untuk mendapatkan dana R&D, aktiviti pelajar, *Knowledge Transfer Programme*/Kursi sama ada geran kerajaan, industri atau antarabangsa;
- Mempergiat pelaburan hartanah dan aset dengan lebih intensif;
- Mendapatkan kadar pulangan atau simpanan yang lebih kompetitif;
- Menyediakan polisi dan skim bayaran perkhidmatan yang lebih menarik untuk perkhidmatan ikhtisas bagi mendapatkan sumbangan dalam bentuk dana, aset dan bidaan;
- Menyediakan SOP selaras dengan penarafan universiti berautonomi;
- Meluaskan skop niaga ladang kongsi/jualan hasil pertanian;
- Membudayakan aktiviti penjanaan dan penjimatan dalam kalangan semua peringkat staf universiti; dan
- Membudayakan institusi wakaf dalam kalangan staf dan pelajar.

Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	Sasaran 2020
Mempertingkatkan penjanaan pendapatan yang optimum	-	9%

Objektif **Strategik 4** : Meningkatkan Infrastruktur, Perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Untuk mencapai objektif ini, UPM akan berusaha untuk:

- Mengenal pasti projek pembangunan infrastruktur mengikut keutamaan strategik;
- Mendapatkan peruntukan untuk melaksanakan projek pembangunan infrastruktur;
- Melaksanakan projek pembangunan infrastruktur mengikut perancangan;
- Melaksanakan penyelenggaraan kemudahan secara konsisten dan terancang;
- Melaksanakan audit ruang dan audit frekuensi penggunaan ruang;
- Menyediakan keperluan sumber dan kemahiran dalam ICT;
- Membangunkan sistem baharu yang relevan dan membuat perubahan kepada sistem sedia ada dalam ICT;
- Mendapatkan lebih banyak bahan perpustakaan dalam bentuk hadiah;
- Meningkatkan perolehan pelbagai jenis koleksi di perpustakaan; dan
- Meningkatkan kerjasama dengan agensi berkaitan pertanian.



Pengukuran Kejayaan Sasaran Prestasi

	Pencapaian 2012	Sasaran 2020
Implementasi <i>Single Sign On</i> (SSO)	-	9%
Melaksanakan pembangunan fizikal mengikut pelan induk guna tanah UPM	-	100%
Melaksanakan penyelenggaraan pencegahan	-	100%
Pengurusan ruang yang berkesan bagi memastikan setiap ruang digunakan secara optimum	-	100%
Peratus peningkatan koleksi buku: 2% setahun	-	2%



PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK 2014-2020

30. Untuk meningkatkan pemantauan pelaksanaan Pelan Strategik ini, UPM akan menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian Pelan Strategik UPM yang dipengerusikan oleh Pengarah Perancangan Korporat. Pada prinsipnya, penubuhan jawatankuasa ini bertujuan untuk meneliti, mengkaji dan mengemukakan cadangan penambahbaikan atau inisiatif lain berkaitan perancangan, pelaksanaan, pelan tindakan dan pencapaian keberhasilan Pelan Strategik UPM 2014-2020.
31. Laporan hasil penelitian Jawatankuasa ini akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Lembaga Pengarah UPM untuk pertimbangan dan kelulusan bagi mana-mana cadangan atau pandangan berkaitan. Secara khususnya, Jawatankuasa ini berfungsi berdasarkan terma berikut:
- menyemak, mengkaji dan membuat cadangan yang signifikan terhadap pelan strategik;
 - menimbangkan secara strategik inisiatif baru dalam pelan strategik yang dikemukakan oleh pemegang taruh tertakluk kepada keupayaan sumber universiti; dan
 - menyediakan khidmat nasihat kepada Naib Canselor berkaitan pelan strategik untuk mana-mana keperluan yang berkaitan.



32. Semasa melaksanakan fungsinya, Jawatankuasa ini juga boleh melantik jawatankuasa *adhoc* untuk meneliti perkara penting atau mengambil tindakan terhadap penambahbaikan dalam pelan strategik berkenaan.

33. Jawatankuasa ini akan mengadakan mesyuarat satu kali dalam tempoh setiap dua bulan dan keahliannya ialah seperti berikut:

Pengerusi : Pengarah, Bahagian Perancangan Korporat
Sekretariat : Bahagian Perancangan Korporat

Ahli

- Peneraju Matlamat 1
- Peneraju Matlamat 2
- Peneraju Matlamat 3
- Peneraju Matlamat 4
- Peneraju Matlamat 5
- Bursar
- Pustakawan
- Pengerusi, Jemaah Dekan
- Pengerusi, Jemaah Pengetua
- Pengerusi, Jemaah Institut
- Pengarah, Pejabat Pemasaran dan Komunikasi
- Pengarah, Pejabat Pembangunan dan Aset
- Pengarah, Pusat Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
- Presiden, Majlis Perwakilan Pelajar



BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

www.upm.edu.my